



JABATAN KERJA RAYA, NEGERI SABAH, MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada petender - petender untuk membuat tawaran bagi perolehan kerja berikut :-

Rujukan Tender	Tajuk Projek	Gred, Kategori dan Pengkhususan / Kelas, Kepala dan Sub-Kepala	Harga Dokumen Tender	Jenis Tender	Tarikh Melapor Diri, Masa & Tempat Bagi Taklimat dan Lawatan Tapak
JKR.JUB (S) 600-5/1/414 Jld.2	PEMBINAAN BANGUNAN PEJABAT DAERAH KUNAK	i) Berdaftar dengan PUKONSA Kelas A Sahaja, Tajuk II, Tajuk Kecil 2(a) (Bangunan Rangka Konkrit Bertetulang yang Tidak Melebihi Empat (4) Tingkat) dan ii) Memegang Perakuan Pendaftaran CIDB yang masih sah.	RM150.00 sahaja Pembayaran hendaklah dibuat: i) Secara Tunai ATAU ii) Melalui Aplikasi Sabah Pay	Terbuka	<u>Taklimat Tender & Lawatan Tapak</u> Tarikh : 27 Julai 2026 (Isnin) Masa : 10.00 Pagi Tempat : Pejabat Jurutera Daerah, JKR Kunak 1. Petender WAJIB menghadiri Taklimat Tender secara fizikal pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. HANYA penama yang dinamakan di dalam sijil dibenarkan hadir taklimat tender tersebut. 2. Petender WAJIB menghadiri Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan. Penama yang dinamakan di dalam sijil ATAU wakil-wakil yang DITAULIAHKAN SAHAJA yang dibenarkan hadir Lawatan Tapak tersebut. 3. Dokumen Tender tidak akan dikeluarkan kepada Petender yang gagal menghadiri Taklimat Tender dan Lawatan Tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan tersebut.

Tarikh dan Masa Penjualan Dokumen Tender	:	3 Ogos 2026 sehingga 24 Ogos 2026						
		<table> <tr> <td>Isnin - Khamis</td><td>-</td><td>8.30 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 4.00 Petang</td></tr> <tr> <td>Jumaat</td><td>-</td><td>8.30 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 4.00 Petang</td></tr> </table>	Isnin - Khamis	-	8.30 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 4.00 Petang	Jumaat	-	8.30 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 4.00 Petang
Isnin - Khamis	-	8.30 Pagi - 12.00 Tengahari 2.00 Petang - 4.00 Petang						
Jumaat	-	8.30 Pagi - 11.00 Pagi 2.00 Petang - 4.00 Petang						
Tarikh Tutup Tender	:	24 Ogos 2026 (Isnin - Jam 10.00 Pagi)						
Tempat Memasukkan Tender	:	Peti Tender, Lembaga Tawaran Negeri Sabah, Kementerian Kewangan Negeri Sabah, Bahagian Perolehan dan Harta Awam, Tingkat Satu (1), Block C, Menara Kinabalu, Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat, 88400 KOTA KINABALU, SABAH.						

- 1.0 Pemilik Atau Wakil yang sah sahaja dengan membawa 'SURAT TAULIAH' yang menunjukkan bahawa mereka diberi kuasa untuk mengambil Dokumen Tender bagi pihak syarikat.
- 2.0 Dokumen-dokumen berikut, yang masih SAH tempoh pendaftaran pada tarikh tutup tender, adalah WAJIB dikemukakan semasa membeli Dokumen Tender:-
 - 2.1. sijil ASAL 'PUKONSA'
 - 2.2. sijil ASAL 'Perakuan Pendaftaran CIDB'
 - 2.3. salinan sijil seperti tersebut di perenggan 2.1 & 2.2 yang belum disahkan.
- 3.0 Pemilik sijil PUKONSA yang telah mendapat Surat Kelulusan Pendaftaran Baru/Pembaharuan daripada PUKONSA hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen sokongan seperti berikut :-
 - 3.1 Nama Pemilik Syarikat yang telah DISAHKAN oleh pihak PUKONSA, dan
 - 3.2 Resit ASAL Penjelasan Pembayaran Kelulusan.
- 4.0 Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi semasa waktu pejabat, mulai **3 Ogos 2026** di :-

Kaunter Penjualan Dokumen Tender,
Tingkat Bawah, Ibu Pejabat JKR,
Bangunan Kementerian Kerja Raya dan Utiliti (KKRU) Sabah,
88582 KOTA KINABALU, SABAH.

- 5.0 Semua Dokumen Tender hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterikan serta bertanda nombor rujukan tender dan dialamatkan kepada :-

Setiausaha,
Lembaga Tawaran Negeri Sabah,
Kementerian Kewangan Negeri Sabah,
Bahagian Perolehan dan Harta Awam,
Tingkat Satu (1), Block C, Menara Kinabalu,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 KOTA KINABALU, SABAH.

Sila ambil perhatian bahawa Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada petender-petender yang mematuhi syarat-syarat berkaitan. Sebarang maklumat lanjut boleh diperolehi melalui laman [web jkr.sabah.gov.my](http://web.jkr.sabah.gov.my)

PENGARAH KERJA RAYA